



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PELANTIKAN TENAGA
PELAWAT AKADEMIK KE
UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA**

**SKIM TENAGA PELAWAT
AKADEMIK UNIVERSITI
TEKNOLOGI MALAYSIA**



GARIS PANDUAN PELANTIKAN TENAGA PELAWAT AKADEMIK KE UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SKIM TENAGA PELAWAT AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

1. TUJUAN

Skim ini dinamakan Skim Tenaga Akademik Pelawat Universiti Teknologi Malaysia.

2. PELANTIKAN

Pelantikan Tenaga Akademik Pelawat hendaklah diluluskan oleh TNC (A&A) setelah mendapat perakuan daripada Dekan Fakulti/Bahagian.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

3.1 Tenaga Pelawat Akademik hendaklah mempunyai tugas serta tanggungjawab seperti berikut:

- 3.1.1 Memberi nasihat dan membuat syor dari segi pembentukan kurikulum dan silabus dalam bidang-bidang pengajian tertentu;
- 3.1.2 Mengkaji dan menilai mutu soalan peperiksaan dan kertas jawapan peperiksaan serta disertai pelajar serta memberi bimbingan ataupun ulasan mengenai perkara yang berkaitan;
- 3.1.3 Menyampaikan beberapa kuliah dan dialog dalam bidang kursus/kepakaran tertentu kepada staf akademik dan pelajar;
- 3.1.4 Memberi nasihat kepakaran dari segi kemudahan peralatan yang ada serta peralatan baru yang dirancang oleh fakulti;
- 3.1.5 Membantu dalam bidang penyelidikan;
- 3.1.6 Membantu fakulti untuk mendapatkan pengiktirafan daripada badan profesional untuk kursus baru atau kursus yang belum mendapat pengiktirafan; dan
- 3.1.7 Menggalakkan kerjasama di antara UTM dengan badan/Universiti di mana calon itu bertugas.

4. SYARAT PELANTIKAN TENAGA AKADEMIK PELAWAT

4.1 Tenaga Akademik Pelawat yang dilantik hendaklah :-

4.1.1 Mempunyai kepakaran dalam satu-satu bidang pengajian serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkenaan (tidak semestinya mempunyai gelaran Profesor); dan

4.1.2 Berkebolehan dan terkemuka serta diperakui taraf akademiknya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

5 ELAUN DAN KEMUDAHAN

5.1 Kadar elaun bagi Tenaga Pelawat Akademik adalah mengikut jenis jawatan pelantikan seperti kelulusan dalam Mesyuarat JPU Bil. 10/2014 bertarikh 16 Jun, 2014. Kadar elaun sebelum ini adalah dibatalkan.

5.2 Butir-butir kadar elaun adalah seperti di bawah:

5.2.1 PROFESOR PELAWAT KEHORMAT @ DISTINGUISH VISITING PROFESSOR

- a) **honorarium RM20,000.00 sebulan** dibayar selepas tamat menjalankan tugas;
- b) kemudahan **penginapan mengikut 'Standard Suite Rate' atas kadar maksimum RM350.00 untuk satu malam** sekiranya Universiti tidak menyediakan rumah kediaman ATAU
- c) elaun **bulanan RM3000.00 sebulan sekiranya lantikan bagi tempoh yang panjang;**
- d) kemudahan pengangkutan universiti;
- e) **tambang kapal terbang pergi/balik kelas Perniagaan.**

5.2.2 PROFESOR PELAWAT KANAN @ SENIOR VISITING PROFESSOR

- a) **honorarium RM17,000.00 sebulan** dibayar selepas tamat menjalankan tugas;
- b) kemudahan **penginapan mengikut kadar RM300.00 untuk satu malam** sekiranya Universiti tidak menyediakan rumah kediaman ATAU
- c) elaun **bulanan RM3000.00 sebulan sekiranya lantikan bagi tempoh yang panjang;**
- d) **tambang kapal terbang pergi/balik kelas Perniagaan**

5.2.3 PROFESOR PELAWAT/ VISITING PROFESOR @ PEMERIKSA LUAR @ EXTERNAL PROFESOR

- a) **honorarium RM15,000.00 sebulan** dibayar selepas tamat menjalankan tugas;
- b) kemudahan **penginapan mengikut kadar RM300.00 untuk satu malam** sekiranya Universiti tidak menyediakan rumah kediaman ATAU
- c) elaun **bulanan RM3000.00 sebulan sekiranya lantikan bagi tempoh yang panjang;**
- d) **tambang kapal terbang pergi/balik kelas Ekonomi**

5.2.4 PROFESOR MADYA PELAWAT @ VISITING ASSOCIATE PROFESOR

- a) **honorarium RM10,000.00 sebulan** dibayar selepas tamat menjalankan tugas;
- b) kemudahan **penginapan mengikut kadar RM300.00 untuk satu malam** sekiranya Universiti tidak menyediakan rumah kediaman ATAU
- c) elaun **bulanan RM3000.00 sebulan sekiranya lantikan bagi tempoh yang panjang;**
- d) **tambang kapal terbang pergi/balik kelas Ekonomi**

5.2.5 PENSYARAH PELAWAT @ VISITING LECTURER

- a) **honorarium RM7,000.00 sebulan** dibayar selepas tamat menjalankan tugas;
- b) kemudahan **penginapan mengikut kadar RM300.00 untuk satu malam** sekiranya Universiti tidak menyediakan rumah kediaman ATAU
- c) elaun **bulanan RM3000.00 sebulan sekiranya lantikan bagi tempoh yang panjang;**
- d) **tambang kapal terbang pergi/balik termurah kelas Ekonomi**

5.3 Bayaran honorarium bagi Profesor Pelawat & Profesor Madya Pelawat ke bawah bagi tempoh lawatan kurang dari 13 hari dibayar honorarium sebanyak RM3,000.

5.4 Bayaran honorarium bagi Profesor Pelawat & Profesor Madya Pelawat ke bawah bagi tempoh lawatan di antara 14 – 29 hari bayaran secara *proportionate* mengikut bilangan hari lantikan mengikut kadar di skim masing-masing.

5.5 Semua kategori Tenaga Pelawat Akademik tersebut di atas (tidak termasuk tanggungan) layak mendapat kemudahan rawatan dan perubatan sama ada daripada Pusat Kesihatan UTM atau Klinik Panel UTM atau Hospital/Klinik Kerajaan (termasuk Hospital

Universiti) semasa berada di Universiti ini, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dari masa ke semasa.

6. TEMPOH DAN PENAMATAN PERKHIDMATAN

- 6.2 Tempoh minimum pelantikan yang ditetapkan dalam satu-satu masa ialah **lima (5) hari** dan maksimumnya ialah satu tahun dan boleh disambung semula perkhidmatan bergantung kepada keperluan Universiti/ Fakulti.
- 6.3 Pihak Universiti boleh memendekkan tempoh atau menamatkan perkhidmatan Tenaga Pelawat Akademik pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab.
- 6.4 Semasa di Universiti ini Tenaga Pelawat Akademik adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan di Universiti ini.